

14/02/2001

Soal kalah menang tidak timbul: Fadzil Noor

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata soal siapa menang dan kalah tidak timbul sama sekali apabila pihaknya mengadakan perbincangan terbuka mengenai perpaduan Melayu dengan pemimpin Umno pada 19 Februari ini.

Beliau berkata, ia cuma satu perbincangan bagi menangani pelbagai masalah dalam negara dan berharap pertemuan itu tidak dilihat sebagai satu pertandingan yang memberikan kemenangan kepada mana-mana pihak.

"Menang atau kalah tidak timbul," katanya mengulas pandangan sesetengah pihak kononnya Pas sudah memenangi pusingan pertama apabila Umno sanggup memperluaskan skop perbincangan yang tidak hanya terhad kepada perpaduan Melayu seperti dituntut parti itu sebelum ini.

Khamis lalu, Umno dan Pas bersetuju dengan beberapa perkara asas bagi pertemuan antara pemimpin kedua-dua parti untuk membincangkan isu perpaduan.

Antara persetujuan yang dicapai bagi merealisasikan pertemuan diketuai Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Fadzil itu ialah agenda perbincangan, tempat dan masa pertemuan serta jumlah perwakilan.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata, Umno bersetuju dengan tarikh pertemuan yang dicadangkan oleh Pas pada 19 Februari.

MT juga bersetuju dengan bilangan perwakilan seramai enam orang seperti dikemukakan oleh Pas dalam pertemuan kedua-dua parti, Khamis lalu.

Lujnah Politik Pas pula akan bermesyuarat di Taman Melewar malam esok bagi jumlah perwakilan dan perkara lain berkaitan pertemuan berkenaan sebelum dibawa ke jawatankuasa teknikal Umno-Pas, Jumaat ini.

Fadzil yang dihubungi hari ini, berharap melalui perbincangan Umno dan Pas nanti, sesuatu yang baik bagi kepentingan negara keseluruhannya dicapai.

Ditanya sama ada pertemuan itu memadai hanya sekali atau perlu diteruskan, beliau berkata, soal itu bergantung kepada hasil pertemuan pertama 19 Februari nanti.

"Kami bersetuju mengadakan pertemuan ini kerana ia selari dengan hasrat awal kami," katanya.

Beliau menafikan wujud perpecahan dalam kumpulan pembangkang berhubung persetujuan Pas menyertai perbincangan dengan Umno dan dakwaan kononnya ada parti pembangkang lain berusaha menggagalkan pertemuan itu.

"Tanggapan itu adalah permainan media semata-mata," katanya.

Mengenai lima lagi wakil Pas selain beliau sendiri untuk pertemuan dengan pemimpin Umno itu, beliau berkata, perkara ini akan ditentukan oleh ahli jawatankuasa Pas Pusat yang akan bermesyuarat tidak lama lagi.

Katanya, Umno tidak perlu mengemukakan surat rasmi mengenai pertemuan itu kerana Pas sudah diwakili jawatankuasa teknikal diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa, bagi perbincangan dengan rakan sejawat daripada Umno.

Semalam, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata biro politik Umno belum membuat keputusan mengenai siapa yang akan menganggotai panel bagi mewakili parti itu untuk mengadakan perbincangan terbuka dengan Pas pada 19 Februari ini.

Biro politik Umno yang diketuai Dr Mahathir belum mengadakan mesyuarat bagi tujuan itu.

(END)

